

PERUNDING ENT

Dr Samril Bokari


Pakar Telinga, Hidung dan Tekak
Pusat Perubatan Kelana Jaya

Punca

Metro 20/6/12 M.S.S.

suara serak

Penggunaan suara berlebihan boleh menyebabkan polip atau benjolan pada tekak



BENGGAK... polip boleh terbentuk sebagai benjolan yang mengandungi cecair di pita suara.

APAKAH nodul kord vokal? Nodul korda vokal adalah sejenis ketumbuhan benign di kedua-dua pita suara disebabkan oleh penyalahgunaan suara (voice abuse) yang boleh berlaku di kalangan golongan yang menggunakan suara berlebihan ketika bekerja, menjerit berlebihan atau menyanyi dalam nada tinggi yang berlebihan.

ia juga dipanggil sebagai 'singer, teacher, preacher nodul'. Jika keadaan berterusan, penyalahgunaan suara akan menyebabkan tisu pita suara membonjol dan membengkak, di satu kawasan spesifik pada setiap kord vokal (biasanya bahagian depan atau anterior satu pertiga korda vokal).

Kawasan yang membengkak ini lama-kelamaan akan berkembang menjadi keras dan dipanggil nodul. Nodul boleh bertambah saiz jika penyalahgunaan suara berterusan

dan pendarahan boleh berlaku dalam nodul berkenaan.

Apakah polip kord vokal?

Polip boleh terjadi dalam beberapa keadaan. Ia juga boleh terbentuk disebabkan oleh penyalahgunaan suara. Polip muncul pada satu atau kedua-dua pita suara tetapi biasanya adalah unilateral (sebelah saja).

Polip boleh terbentuk sebagai bengkak atau benjolan yang mengandungi cecair di dalamnya, ketumbuhan seperti tangkai atau luka seperti lepuh. Kebanyakan polip lebih besar daripada nodul dan ada kala dipanggil dengan nama lain, seperti degenerasi polypoid atau edema Reinke.

Korda vokal polip

Apakah tanda dan gejala nodul kord polip atau vokal? Nodul dan polip menyebabkan gejala sama:

- suara serak
- suara termengah-mengah
- suara menjadi kasar
- kesakitan yang menjalar atau merebak ke telinga
- Sensasi 'gumpalan di kerongkong' — terasa seperti bendasing di kerongkong kesakitan di tengkuk atau leher



Bagaimanakah nodul dan polip dikenal pasti atau didiagnosis?

Jika mengalami suara serak lebih daripada dua hingga tiga minggu, anda harus berjumpa doktor. Penilaian suara yang menyeluruh membolehkan:

- Pemeriksaan doktor, sebaik-baiknya pakar telinga, hidung, tekak dan penilaian suara oleh seorang pakar patologi pertuturan (speech and language Pathologist) jika perlu. Mereka akan menilai kualiti suara, kenyaringan dan keupayaan mengekalkan suara dan ciri-ciri lain.

Pemeriksaan boleh membolehkan penggunaan endoskop ke dalam mulut atau hidung untuk melihat pita suara dan larinks secara umum.

edah menggunakan Stroboskop boleh diguna untuk menonton atau mengkaji korda vokal dan pergerakan



Polip atau benjolan pada tekak

mereka secara lebih teliti.

Rawatan apa yang boleh didapati untuk nodul dan polip?

Nodul dan polip boleh dirawat dengan perubatan, pembedahan dan perubahan tingkah laku. Pembedahan membolehkan mengeluarkan nodul atau polip daripada kord vokal.

Pendekatan ini hanya berlaku apabila nodul atau polip yang sangat besar atau wujud untuk masa lama dan rawatan secara konservatif tidak berjaya. Bagaimanapun, pembedahan jarang berlaku untuk kanak-kanak. Pembedahan yang dijalankan menggunakan endoskop atau teleskop dan ketumbuhan itu boleh dibuang dengan menggunakan alatan biasa atau laser.

Rawatan secara perubatan pula membolehkan penggunaan suara yang minimum (berehat daripada bercakap) adalah cara terbaik. Selain itu, masalah kesihatan lain boleh

dirawat untuk mengurangkan impak mereka pada korda vokal.

Ini termasuk rawatan bagi penyakit refluks gastroesophageal (GERD) atau Laryngopharyngoreflux (LPR), alahan, dan masalah tiroid.

Campur tangan perubatan untuk berhenti merokok dan mengawal tekanan adalah diperlukan. Terapi suara daripada Pegawai Patologi Pertuturan (SLP) adalah sangat digalakkan dalam rawatan nodul dan polip berkenaan.

Terapi suara membolehkan mengajar kebersihan suara yang baik, mengurangkan atau menghentikan tingkah laku yang kasar terhadap suara dan rawatan suara langsung untuk mengubah pitch, kenyaringan atau sokongan nafas yang baik.

Teknik pengurangan tekanan dan latihan relaksasi sering diajar juga SLP untuk membantu pesakit sebelum dan selepas pembedahan.